

24 MEI 2006

# Projek Teluk Danga diteruskan

Pembatalan jambatan indah tak jejas pembangunan pantai

oleh Abdul Razak Raaff

J OHOR BAHRU: Kerajaan negeri tetap meneruskan projek pembangunan pesisiran pantai di selat Tebrau seluas 3,200 hektar dekat sini, walaupun projek jambatan indah sudah dibatalkan.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Thman, berkata pelabur yang sebelum ini menyatakan hasrat memajuan lebih empat kilometer pesisiran pantai bandar raya ini, masih berintan meneruskan projek berkenaan. Katanya, projek pembangunan yang meliputi kawasan pesisiran pantai Lido, Teluk Danga sehingga ke pesisiran Nusaiava akan menempat-

katkan mutu dan kualiti air Selat Tebrau," katanya kepada pemberita selepas menutup rasmi Kursus Jahitan Busana Johor Siri Ke-2, di sini semalam.

Abdul Ghani berkata, kerajaan Johor akan mengumumkan secara terperinci projek pembangunan pesisiran pantai membabitkan keluasan kira-kira 3,200 hektar yang termasuk dalam Wilayah Ekonomi Johor Selatan (SJER), tidak lama lagi.

Katanya, jika semua perancangan berjalan lancar, ia akan membabitkan hampir keseluruhan pesisiran pantai Selat Tebrau yang dijangka dimajukan dengan pelbagai taman tema, pusat komersial, rekreasi dan riadah.



BERNAMA

## Sultan Selangor lancar sambutan 75 tahun UPM

SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selaku Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) melihat buku ketika melawat pameran selepas melancarkan Sambutan 75 Tahun universiti itu di kampus induknya di Serdang, semalam. Turut hadir Naib Canselor UPM, Profesor Dr Nik Mustapha Abdullah (kanan).